

Spesies mamalia itu terpisah daripada kumpulannya

Emosi terganggu, punca paus mati

Oleh NURUL HUDA HASSAN
huda.hassan@utusan.com.my

■ BATU PAHAT 10 FEB.

GANGGUAN emosi dipercayai menjadi punca paus jenis Sei sepanjang 12 meter dan seberat 15 tan mati di muara Sungai Sarang Buaya, Semerah di sini semalam.

Paus berkenaan dipercayai berenang bersama kumpulannya sebelum terpisah serta menyebabkan gangguan emosi dan apabila terdampar buat pertama kali di Pontian, organnya juga sudah rosak.

Paus dengan nama saintifik *Balaenoptera Borealis* itu juga disahkan mamalia sama ditemukan terdampar di Pantai Rambah, Pontian kelmarin dan bangkainya berjaya didaratkan di Jeti Pejabat Perikanan Batu Pahat di sini pada 3 petang dengan menggunakan sebuah kren.

Bangkai mamalia itu berjaya didaratkan selepas mengharungi perjalanan sejauh 15 batu nautika selama tiga jam dan ditarik menggunakan sebuah bot nelayan kelas A.

Sebelum ditemukan mati di sini, paus itu berenang sejauh 90 batu nautika dari Pontian.

Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Jabatan Perikanan Malaysia, Mohd. Tamimi Ali Ahmad berkata, paus berkenaan dipercayai masih hidup semasa ditemukan nelayan pada pukul 4 petang dan dipercayai mati antara 6 hingga 7 petang semalam.

Menurutnya, hasil siasatan awal pihaknya mendapati, paus jantan dewasa itu merupakan spesies terancam oleh Kesatuan Antarabangsa Pemuliharaan Alam (IUCN) dan merupakan spesies paus ketiga terbesar di dunia.

Siasatan awal juga, katanya, mendapati paus itu terpisah daripada kumpulannya semasa mencari makanan dalam proses penghijrahan melalui perairan negara ini hingga menyebabkan gangguan emosi.

“Semasa mula-mula terdampar di Pontian, mamalia ini diselamatkan nelayan dan kita ingatkan berjaya setelah melepaskannya ke laut. Kita percaya ia mati disebabkan gangguan emosi.

“Perairan Malaysia merupakan antara laluan utama spesies ini yang berenang mengikut musim dan mamalia ini cuma makan organisme kecil, plankton, anak ikan dan anak udang,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di Jeti Pejabat Perikanan Batu Pahat di sini hari ini.

Dalam tempoh 10 tahun ini katanya, sejumlah empat ekor paus dari spesies sama ditemukan terdampar di perairan negara ini iaitu di Pulau Carey dan Banting, Selangor dan Pulau Nenasi, Pahang.

Dalam pada itu, Mohd. Tamimi berkata, pihaknya akan menjalankan bedah siasat yang dijangka mengambil masa seminggu sebelum paus itu dilupuskan dan tulangnyanya akan dipamerkan di FRI Rantau Abang, Dungun, Terengganu.

Sementara itu, Ketua Penguat Kuasa Agensi Penguatkuasaan Malaysia (Maritim Malaysia) Pangkalan Maritim Batu Pahat, Leftenan Komander Maritim, Muhammad Zulkifli Abdullah berkata, paus berkenaan ditemukan masih hidup oleh nelayan pada 4 petang semalam selepas tersangkut dalam mendapan lumpur kira-kira dua jam.

“Paus itu adalah mamalia sama ditemukan di Pantai Rambah, Pontian berdasarkan tali yang diikat pada ekornya merupakan tali sama digunakan semasa usaha menyelamatkan paus itu dilakukan,” katanya.

SEBUAH kren digunakan untuk mengangkat bangkai ikan paus spesies Sei atau nama saintifiknya *Balaenoptera Borealis* di Jeti Jabatan Perikanan, Batu Pahat, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI



KERATAN Utusan Malaysia
9 Februari 2016.

Diperintah mohon maaf melalui Facebook 45 hari

Oleh NORAZLITA MOHD. SIES
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 Feb. - Akibat memfitnah, seorang bekas kakitangan Petronas, diperintahkan oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini supaya menerbitkan permohonan maaf di laman sosial Facebook miliknya selama tempoh 45 hari dari tarikh permohonan maaf dibuat kepada bekas Pengurus Besar Kanan, Komunikasi Strategik Kumpulan Petronas, Norliza Kamaruddin.

Bukan itu sahaja, Zulkifli Abd. Rani yang juga seorang ahli perniagaan bersetuju membayar RM150,000 sebagai ganti rugi kepada Norliza selaku pihak plaintif berdasarkan perintah persetujuan yang dipersetujui dan direkodkan oleh Mahkamah Sesyen di sini.

Hakim Nor Hazani Hamzah merekodkan perintah tersebut setelah Zulkifli yang dinamakan sebagai pihak defendan membacakan permohonan maaf di mahkamah terbuka.

Pihak defendan dalam permohonan maaf menyatakan, penerbitan tersebut dibuat berdasarkan maklumat yang boleh dipercayai olehnya.

Walau bagaimanapun menurut Zulkifli, beliau kini menyedari bahawa kenyataan tersebut dibuat tanpa sebarang asas dan melahirkan kekesalan atas apa yang berlaku.

“Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membetulkan kesilapan dan memohon maaf atas penderitaan, kesusahan serta perasaan malu yang ditanggung oleh plaintif dan keluarganya ekoran penyiaran enam artikel tersebut.

“Saya dengan ini menarik balik semua tuduhan dan dakwaan terhadap Norliza dan memberi aku janji tidak akan mengulangi dakwaan yang serupa terhadapnya,” kata Zulkifli.

Dengan penarikan balik kenyataan tersebut, selain membuat permohonan maaf yang akan dibuka kepada orang awam untuk tempoh 45 hari di Facebook pihak defendan, Zulkifli juga bersetuju tidak membuat penerbitan lanjut atau bercakap tentang plaintif pada



ZULKIFLI ABD. RANI

masa depan.

Sebagai penyelesaian penuh juga, kedua-dua pihak tidak mempunyai sebarang sebab tindakan pada masa akan datang.

Pihak defendan turut bersetuju melunaskan jumlah ganti rugi tersebut melalui empat kali ansuran dengan ansuran pertama RM37,500 dibayar pada atau sebelum, 10 Mac, 10 April, 10 Mei dan 10 Jun ini.

Bayaran ansuran tersebut akan dibayar kepada firma guaman Tetuan Cecil Abraham & Partners.

Norliza memfailkan pernyataan tuntutan tersebut pada September tahun lalu, atas dakwaan pihak defendan telah secara cuai dan berniat jahat membuat pernyataan tidak benar.

Perbuatan tersebut menurut pihak plaintif, dilakukan oleh defendan dengan niat untuk merosakkan reputasi beliau secara langsung dari segi jawatan, perniagaan atau perdagangan pada masa penerbitan selain untuk memalukan dan merendahkan dirinya dalam kalangan rakan sekerja serta memudaratkan kerjayanya.

Selain menuntut pihak defendan membuat permohonan maaf dalam Facebook, pihak plaintif juga menuntut ganti rugi atas kesulitan yang dialaminya.

Norliza diwakili peguam Rishwant Singh.